

ANALISIS KOHESI GRAMATIKAL DALAM TUGASAN PELAJAR IPTS***ANALYSIS OF GRAMMATICAL COHESION IN IPTS STUDENT TASKS***Noor Hanis Amran^{1*}Azyantee Mohd Zawawi²Nurmasitah Mat Hassan³Nurul Izzwani Binti MD Khairuddin⁴

¹ Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS),
15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia (Emel: hanisnoor91@gmail.com)

² Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS),
15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia (Emel: azyanteee@kias.edu.my)

³ Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS),
15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia (Emel: mhnurmasitah@gmail.com)

⁴ Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS),
15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia (nurulizzwani92@gmail.com)

*Corresponding author: hanisnoor91@gmail.com

Abstrak

Kohesi adalah satu elemen asas dalam sesebuah penulisan. Fungsi kohesi adalah bagi memastikan makna ayat yang dibina mengalir dengan lancar dan saling berkaitan. Ini kerana ayat yang terbentuk tanpa adanya kohesi akan menyebabkan pembaca berasa mereka membaca ayat panjang yang tidak bermakna. Oleh itu, adanya kohesi di dalam teks yang berhubung antara satu sama lain akan membentuk makna ayat yang jelas kepada pembaca. Tambahan lagi, pembaca dapat memahami aliran pemikiran yang cuba disampaikan oleh penulis, sekaligus meningkatkan pemahaman dan penghayatan berkaitan isi kandungan. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan aspek kohesi gramatikal dalam tugas pelajar di peringkat pengajian tinggi swasta. Kajian ini menggunakan kerangka Halliday dan Hasan (1976). Bagi pengumpulan data, kajian ini menggunakan analisis dokumen kerana bersesuaian bagi mengenal pasti tema, konsep dan makna. Responden pula terdiri daripada pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) yang diminta menulis beberapa perenggan karangan dalam bahasa Melayu yang mana tajuknya telah ditentukan. Analisis kajian hanya membincangkan berkaitan kohesi gramatikal penghubung pertambahan sahaja. Data-data kajian dikira dalam bentuk peratus dan dihuraikan. Hasil kajian menunjukkan pelajar banyak menggunakan kohesi gramatikal penghubung pertambahan di dalam penulisan karangan walaupun ayat yang dihasilkan kurang gramatis. Kajian ini memberi implikasi kepada pengajaran bahasa dan kurikulum di IPTS untuk meningkatkan kualiti penulisan pelajar.

Kata kunci: kohesi, gramatikal, kata penghubung, tugas pelajar, IPTS.

Abstract

Cohesion is a basic element in writing. The function of cohesion is to ensure that the meaning of the constructed sentence flows smoothly and is interconnected. This is because sentences that are formed without cohesion will cause the reader to feel that they are reading a long sentence that is meaningless. Therefore, the existence of cohesion in the text that is connected to each other will form the meaning of the sentence that is clear to the reader. In addition, the reader can understand the flow of thought that the writer is trying to convey, at the same time improving the understanding and appreciation of the content. Therefore, this study was conducted to identify and analyze the use of aspects of grammatical cohesion in student assignments at the private higher education level. This study uses the framework of Halliday and Hasan (1976). For data collection, this study uses document analysis because it is appropriate to identify themes, concepts and meanings. The respondents consisted of students from Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS) who were asked to write several paragraphs of an essay in Malay whose title had been determined. The analysis of the study only discusses the grammatical cohesion of the addition link. The study data are calculated in the form of percentages and described. The results of the study show that students use a lot of grammatical cohesion in the writing of essays even though the sentences produced are less grammatical. This study has implications for language teaching and curriculum at IPTS to improve the quality of student writing.

Keywords: cohesion, grammatical, conjunctions, student tasks, IPTS.

PENDAHULUAN

Kohesi merupakan elemen penting dalam penulisan yang merujuk kepada cara di mana pelbagai komponen dalam sebuah teks saling berkaitan dan membentuk makna yang jelas. Dalam konteks pendidikan tinggi, terutama di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), kemampuan untuk menghasilkan tugas yang kohesif adalah kunci untuk menyampaikan idea secara berkesan. Walau bagaimanapun, banyak pelajar IPTS menghadapi cabaran dalam mencapai tahap kohesi yang diperlukan, yang boleh mengakibatkan kekeliruan dan kesulitan dalam memahami isi kandungan. Menurut Halliday dan Hasan 1976, aspek kohesi ini terjalin melalui susunan ayat dan perenggan yang saling bertaut untuk mewujudkan kohesi di antara maklumat lama dengan maklumat baru. Kohesi dalam penulisan melibatkan penggunaan alat seperti kata ganti, frasa transisi, dan pengulangan strategik untuk menghubungkan ayat dan perenggan.

Tanpa kohesi yang baik, tugas mungkin kelihatan tidak teratur dan sukar diikuti. Menyedari kepentingan ini, analisis terhadap tahap kohesi dalam tugas pelajar IPTS adalah penting untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dan memahami impaknya terhadap

kualiti penulisan dan prestasi akademik pelajar. Tambahan lagi, tidak dapat dinafikan bahawa kohesi adalah konsep penting dalam penulisan yang merujuk kepada cara di mana pelbagai elemen dalam teks dihubungkan untuk membentuk makna yang jelas dan teratur. Dalam setiap karya, sama ada akademik, fiksiyen, atau artikel, kohesi berfungsi sebagai jambatan yang menyatukan idea-idea dan membolehkan pembaca mengikuti aliran pemikiran penulis dengan mudah. Oleh itu, tidak dapat dinafikan peranan kohesi penting dalam menilai pemahaman pembaca terhadap teks akademik (Hyland, 2004).

Kohesi gramatikal adalah elemen penting dalam penulisan yang memastikan hubungan antara ayat dan idea terjalin dengan baik. Dalam konteks pendidikan tinggi, khususnya di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), kemampuan untuk menghasilkan tugas yang mempunyai kohesi gramatikal yang kuat adalah kunci kepada kejayaan akademik. Penggunaan aspek kohesi dalam ayat seperti kata atau frasa perangkai menjadikan ayat-ayat dalam perenggan disusun sehingga urutan idea atau gagasan menjadi lancar dan tidak melompat-lompat (Awang Sariyan, 1981).

Dalam konteks yang lebih luas, kohesi juga berperanan dalam mempengaruhi persepsi pembaca terhadap kualiti dan kredibiliti penulisan. Oleh itu, pemahaman yang mendalam mengenai prinsip-prinsip kohesi adalah penting bagi setiap penulis yang ingin menyampaikan mesej mereka dengan berkesan dan mengekalkan perhatian pembaca. Beberapa kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknik kohesi yang baik dalam penulisan meningkatkan kualiti dan keterbacaan teks. Misalnya, kajian oleh Bhatia (1993) menunjukkan bahawa penulis yang mahir dalam kohesi cenderung menghasilkan teks yang lebih jelas dan koheren.

Kohesi terbahagi kepada dua bahagian iaitu gramatikal dan leksikal (Halliday dan Hasan, 1976). Kohesi gramatikal pula terbahagi kepada empat bahagian kecil iaitu penghubung, rujukan, penggantian dan penghilangan. Kohesi gramatikal merujuk kepada penggunaan struktur dan elemen bahasa yang menghubungkan pelbagai bahagian dalam teks, termasuk penggunaan kata ganti, penghubung, dan corak ayat yang berkesan.

Kebiasaannya, kohesi gramatikal penghubung berlaku melalui kedudukannya yang menunjukkan maksud tertentu bagi hubungan perkataan atau ayat yang dihasilkan. Contohnya, 'Siti suka makan kuih [dan] buah-buahan'. Penghubung *dan* merupakan penanda kohesi yang berfungsi untuk menyambung, merangkai, atau menghubungkan kata dengan kata, frasa dengan frasa klausa dengan klausa, ayat dengan ayat dan seterusnya (Kridalaksana, 1978). Kesalahan penggunaan penanda kohesi dalam aspek ini bukan sahaja

mengakibatkan kesulitan dalam menyampaikan idea dengan jelas, tetapi juga boleh mewujudkan kekeliruan makna kepada pembaca. Penggunaan alat kohesi seperti kata ganti, frasa transisi, dan pengulangan bukan sahaja membantu menjelaskan hubungan antara ayat, tetapi juga memberi penekanan kepada titik-titik penting dalam teks. Dengan kata lain, kohesi memastikan bahawa setiap bahagian dalam penulisan saling berkaitan dan menyokong tema keseluruhan.

Oleh itu, analisis terhadap tahap kohesi gramatikal dalam tugas pelajar IPTS adalah penting untuk memahami punca-punca masalah ini dan mencari cara untuk meningkatkan kemahiran penulisan mereka. Namun begitu, kajian ini hanya membincangkan kohesi gramatikal penghubung sahaja sebagai objektif kajian.

Penggunaan pelbagai alat kohesi, seperti kata ganti, frasa transisi, dan struktur ayat yang berkesan, memainkan peranan penting dalam membentuk hubungan antara idea-idea. Dalam artikel ini, kita akan membincangkan kepentingan kohesi dalam penulisan, jenis-jenis alat kohesi yang boleh digunakan, serta contoh-contoh praktikal yang menggambarkan bagaimana kohesi dapat meningkatkan kualiti penulisan. Dengan memahami dan menerapkan prinsip kohesi, penulis dapat menyampaikan mesej mereka dengan lebih berkesan dan menarik perhatian pembaca.

SOROTAN LITERATUR

Satu kajian yang bertujuan untuk mengkaji Kohesi Gramatikal Penghubung dalam Karangan Berbahasa Melayu telah dijalankan oleh Nurmasitah Mat Hassan dan Jama'ah Zakaria 2015. Dapatan kajian ini, pengkaji hanya membincangkan kohesi gramatikal jenis penghubung sahaja. Kohesi gramatikal penghubung terbahagi kepada lima bahagian iaitu penghubung pertambahan, penghubung pertentangan, penghubung sebab-akibat, penghubung waktu dan penghubung syarat. Hasil analisis menunjukkan pelajar lebih banyak menggunakan kohesi gramatikal penghubung pertambahan dalam menulis karangan Bahasa Melayu.

Selain itu, satu lagi kajian telah dijalankan oleh Mat Hassan, Nurmasitah (2016). Tujuan utama kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan aspek kohesi dalam karangan bahasa Melayu pelajar di peringkat pengajian tinggi awam. Hasil daripada kajian ini menunjukkan pelajar banyak menggunakan kohesi gramatikal berbanding kohesi leksikal dalam penulisan karangan mereka. Analisis ini membincangkan kohesi gramatikal, kohesi leksikal dan juga kohesi idea. Kohesi gramatikal terbahagi kepada empat bahagian iaitu rujukan, penggantian, penghilangan dan penghubung. Kohesi leksikal pula terbahagi kepada

dua iaitu reiterasi dan kolokasi. Hasil kajian juga menunjukkan pelajar lemah dalam dari segi mentautkan idea dalam penulisan karangan mereka.

Seterusnya, Menerusi kajian yang dijalankan oleh Kumaran Rishnan (2006) pula, dapatan kajiannya menunjukkan karangan pelajar sekolah menengah yang menulis karangan ekpositori menggunakan lebih banyak ikatan rujukan berbanding penghubung. Beliau turut menambah lagi, daripada analisis korelasi, terdapat hubungan signifikan di antara bilangan ikatan kohesi yang digunakan dalam kualiti penulisan. Selain itu, hasil kajian beliau juga menunjukkan lebih banyak masalah wujud dalam bahagian kohesi penghubung.

METODOLOGI

Kajian ini memilih pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen. Analisis dokumen dipilih sebagai kaedah kajian kerana boleh memberi gambaran dan situasi yang sesuai dalam menganalisis kekerapan kohesi. Menurut Bryman dan Bell (2007), serta Bryman (2008), kelebihan menggunakan kaedah analisis dokumen adalah kaedah tersebut membenarkan pengkaji menganalisis nilai dan mengesan 'apa' yang dapat diperoleh daripada sesuatu dokumen yang dianalisis.

Populasi dan sampel adalah pelajar daripada program ijazah di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTs). Sebanyak 40 tugasan akademik yang telah dihantar oleh pelajar dalam pelbagai bidang pengajian dengan menulis karangan tajuk yang telah ditetapkan. Pelajar telah diberikan tajuk 'Faktor-Faktor dan Kesan Rasuah' dan masa yang sama bagi mendapatkan data kajian yang sahih. Data yang dikumpul pula diambil daripada karangan pelajar yang dipilih secara rawak.

Analisis dokumen telah dilakukan pada tugasan untuk mengklasifikasikan dan menganalisis corak penggunaan kohesi dalam keseluruhan data. Penggunaan kriteria telah ditetapkan untuk menilai keberkesanan penggunaan elemen kohesi dalam karangan pelajar. Elemen kohesi gramatikal yang digunakan diasingkan berdasarkan kategori untuk mengira kekerapan yang digunakan pelajar dalam penulisan karangan mereka.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kohesi adalah faktor yang memastikan kesinambungan dan hubungan antara ayat dan perenggan dalam sesebuah teks. Ia merujuk kepada mekanisme yang digunakan untuk menghubungkan unsur-unsur dalam teks, termasuk penggunaan kata ganti, konjungsi, dan

elemen lain yang menyambungkan idea atau maklumat di dalam dan antara ayat. Kajian analisis kohesi pula merujuk kepada pendekatan yang digunakan untuk menilai cara unsur-unsur dalam sesebuah teks saling terhubung atau bergabung untuk membentuk makna yang utuh dan jelas.

Kohesi gramatikal merujuk kepada hubungan antara elemen-elemen dalam sebuah teks yang memastikan teks tersebut tersusun dengan baik dan mudah difahami. Penghubung pertambahan adalah salah satu jenis penghubung yang digunakan untuk menyambungkan dua idea atau maklumat yang mempunyai sifat tambahan atau pertambahan. Penghubung pertambahan berfungsi untuk menunjukkan bahawa apa yang dinyatakan dalam ayat seterusnya adalah tambahan atau perkembangan daripada ayat yang sebelumnya.

Dalam kajian kohesi gramatikal, penghubung pertambahan penting untuk memastikan hubungan yang jelas antara ayat atau bahagian teks. Tanpa penggunaan kohesi penghubung yang sesuai, teks boleh menjadi kabur dan sukar difahami. Penggunaan kohesi penghubung ini mengarahkan pembaca untuk memahami bahawa maklumat yang diberikan adalah tambahan kepada apa yang telah disebutkan sebelumnya, bukannya perubahan topik atau maklumat yang berbeza. Secara keseluruhan, kohesi penghubung pertambahan adalah elemen penting dalam menjalin kohesi gramatikal, memastikan kesinambungan dan keterhubungan antara idea dalam penulisan. Jadual 1 di bawah menunjukkan analisis penanda kohesi gramatikal penghubung pertambahan dalam karangan pelajar yang dikaji.

Jadual 1: Kekerapan Kohesi Gramatikal Penghubung Pertambahan dalam Karangan

Bil.	Jenis Penanda Kohesi	Kekerapan	Peratus (%)
1			
2	Dan	38	15.1
3	laitu	24	9.5
4	Selain itu	16	6.3
5	Di samping	15	6.0
6	Hal ini	16	6.3
7	Di samping itu	11	4.4
8	Ataupun	5	2.0
9	Atau	29	11.5
10	Selain daripada itu	10	4.0
11	Malah	12	4.8
12	Misalnya	14	5.6
13	Contohnya	17	6.7
14	Tambahan lagi	8	3.2
15	Serta	18	7.1
16	Seterusnya	9	3.6
17	Sambil itu	10	4.0
	Jumlah Besar	252	100

Jadual 1 menunjukkan penanda kohesi penghubung pertambahan yang paling kerap digunakan ialah *dan* iaitu sebanyak 38 (15.1 %) dan diikuti penanda *atau* dengan jumlah 61 (11.5 %). Kohesi gramatikal penghubung pertambahan yang sinonim dengan *dan* iaitu *serta* digunakan sebanyak 18 (7.1 %) oleh responden. Kohesi penghubung yang paling sedikit digunakan ialah *ataupun* iaitu 5 (2.0 %). Melalui dapatan kajian yang diperoleh, analisis menunjukkan responden boleh menggunakan penanda kohesi dengan betul seperti contoh ayat bagi penanda *tambahan lagi* dan *dan* yang boleh dilihat berdasarkan ayat *“Keempat, menekankan penerapan nilai-nilai Islam. Menurut Islam perbuatan rasuah adalah satu perbuatan dosa besar yang mendatangkan akibat yang buruk kepada individu, masyarakat dan negara. Pemahaman secara mendalam mengenai nilai-nilai dapat menghalang daripada melakukan jenayah. Tambahan lagi mempelajari nilai-nilai Islam dapat memupuk sikap jujur dan integriti dalam diri individu.”*

Namun, begitu, ada responden yang dilihat masih kurang berjaya membentuk jalinan idea antara ayat walaupun berjaya menggunakan penanda kohesi dengan betul. Contohnya seperti ayat ini *“Salah satu faktor berlaku rasuah adalah sikap tamak dalam diri seseorang. Ini kerana sikap segelintir masyarakat yang suka mempamerkan gaya hidup mewah sedangkan kewangan hidup hanya sederhana. Selain itu, faktor kedua ialah kelemahan sistem pentadbiran. Contohnya, seorang pengarah tidak melakukan pemantauan terhadap aktiviti pekerja-pekerjanya. Ini menyebabkan pekerja bebas untuk terlibat dengan aktiviti rasuah”*. Berdasarkan ayat tersebut, jalinan makna tidak begitu baik kerana responden hanya menggunakan penanda kohesi *selain itu* semata-mata untuk memanjangkan ayat sahaja tetapi tidak menjalin pengembangan keseluruhan idea dalam perenggan karangan. Jika dilihat ayat tersebut, responden menerangkan dua perkara yang berbeza walaupun kedua-duanya berkisar tentang faktor rasuah. Ini sekaligus menyebabkan berlaku kekaburan makna kepada pembaca untuk memahami dengan jelas mesej karangan yang hendak disampaikan.

Dapatan yang diperolehi diperincikan lagi melalui contoh-contoh lain bagi ayat yang menggunakan kohesi penghubung pertambahan oleh responden dalam kajian dari aspek kohesi idea.

Contoh 1 :

“Di samping itu, pihak institusi pendidikan perlu memberi pendedahan tentang bahaya rasuah dalam kalangan pelajar (1a). **Contohnya,** memasukkan subtopik rasuah sebagai salah

satu kandungan sukatan dalam pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sivik **dan** yang berkaitan (1b). **Seterusnya**, pihak masyarakat perlu memberikan kerjasama kepada pihak kerajaan seperti membantu membuat aduan apabila mengetahui gejala tersebut berlaku (1c). Menanam perasaan membenci rasuah dalam kalangan ahli masyarakat (1d). Pihak media massa pula seperti radio, televisyen **dan** surat khabar perlu mempergiat kempen anti rasuah dengan menjelaskan keburukan rasuah kepada masyarakat (1e)."

Dalam Contoh 1 ini, hasil dapatan menunjukkan responden berjaya menggunakan penanda kohesi pertambahan *dan, di samping itu, contohnya* dan *seterusnya* dengan baik. Kohesi antara ayat yang dipaparkan juga kelihatan tersusun. Namun begitu, jika dilihat dari sudut kohesi idea, garapan idea dalam perenggan Contoh 1 ini kelihatan kurang gramatis. Dikatakan kurang gramatis kerana responden telah memaparkan tiga idea utama dalam satu perenggan. Idea yang pertama ialah pertama ialah "*Di samping itu, pihak institusi pendidikan perlu memberi pendedahan tentang bahaya rasuah dalam kalangan pelajar*" dalam ayat 1 (a) dan idea yang kedua pula "*Seterusnya, pihak masyarakat perlu memberikan kerjasama kepada pihak kerajaan seperti membantu membuat aduan apabila mengetahui gejala tersebut berlaku*" dalam ayat 1 (c). Responden juga telah memasukkan juga idea utama yang ketiga di dalam perenggan yang sama. Idea utama ketiga ini dapat dilihat menerusi ayat 1 (e) iaitu "*Pihak media massa pula seperti radio, televisyen dan surat khabar perlu mempergiat kempen anti rasuah dengan menjelaskan keburukan rasuah kepada masyarakat*".

Oleh itu, Contoh 1 ini memperlihatkan kohesi maklumat yang kurang baik walaupun penggunaan penanda kohesinya betul. Jika perkara ini berlarutan, ianya akan menyebabkan kegagalan pelajar dalam menghasilkan penulisan yang baik (Othman, A.J (2000). Oleh itu, penggunaan penanda kohesi yang betul mambantu ayat yang dihasilkan saling bersambung (Richards, 1990). Contoh ayat lebih gramatis sekiranya ditulis seperti berikut.

Di samping itu, pihak institusi pendidikan perlu memberi pendedahan tentang bahaya rasuah dalam kalangan pelajar. Contohnya, memasukkan subtopik rasuah sebagai salah satu kandungan sukatan dalam pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sivik dan yang berkaitan. Perkara ini penting sebagai pendedahan awal kepada generasi muda tentang bahayanya kesalahan rasuah.

Seterusnya, pihak masyarakat perlu memberikan kerjasama kepada pihak kerajaan apabila ada kes yang melibatkan aktiviti rasuah juga merupakan satu cara menangani rasuah. Contohnya membuat aduan apabila mengetahui gejala tersebut berlaku. Tindakan dua hala ini amat penting kepada negara kerana bantuan antara semua pihak diperlukan dalam

menangani masalah rasuah hingga ke akar umbi. Oleh itu, semua pihak perlulah tegas apabila timbulnya kes-kes yang melibatkan isu rasuah.

Langkah ketiga menangani aktiviti rasuah ialah peranan daripada pihak media massa. Media massa seperti radio, televisyen dan surat khabar perlu mempergiat kempen anti rasuah dengan menjelaskan keburukan rasuah kepada masyarakat. Antara aktiviti yang boleh dilakukan oleh media massa ialah dengan menjalankan kempen-kempen anti rasuah, lakonan-lakonan yang berkaitan rasuah hingga pesalah dijatuhkan hukuman, pertandingan pidato berkaitan isu rasuah dan sebagainya. Tindakan ini boleh dilakukan bagi menanam perasaan membenci rasuah dalam kalangan masyarakat tanpa mengira kaum.

Contoh 2 :

“Selain itu, kesan buruk rasuah juga boleh mengancam keselamatan rakyat (2a). **Contohnya**, kelulusan tender **atau** projek yang terbabit rasuah seperti pembinaan jambatan **dan** bangunan akan membahayakan pengguna (2b). **Hal ini** terkesan daripada kebanyakan bahan binaan serta kaedah yang digunakan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan (2c). Situasi ini timbul kerana berlakunya penambahan kos belanjawan projek akibat wujudnya aktiviti rasuah dengan pihak terlibat (2d).”

Berdasarkan Contoh 2, responden menggunakan penanda kohesi pertambahan *selain itu, contohnya, atau* dan *dan* dengan tepat untuk menerangkan berkaitan isu rasuah rasuah. Jika dilihat dari segi susunan idea pula, boleh dikatakan responden berjaya menghasilkan kohesi idea yang baik melalui penggunaan penanda kohesi gramatikal penghubung pertambahan. Ini dapat dibuktikan apabila responden mewujudkan maklumat yang bertaut antara ayat sebelum dengan ayat selepasnya. Susunan yang berkohesi ini boleh dilihat menerusi contoh ayat 2 (a) yang mana responden memulakan perenggan dengan menyatakan idea utama kesan rasuah iaitu “*Selain itu, kesan buruk rasuah juga boleh mengancam keselamatan rakyat.*” Seterusnya, ayat karangan dikembangkan lagi oleh responden dengan menjelaskan contoh keselamatan yang terancam boleh berlaku kepada rakyat melalui aktiviti rasuah iaitu “*Contohnya, kelulusan tender atau projek yang terbabit rasuah seperti pembinaan jambatan dan bangunan akan membahayakan pengguna*” 2 (b). Responden meneruskan lagi penulisan idea karangan dengan menerangkan punca yang menyebabkan binaan yang terlibat dengan isu rasuah bahaya kepada pengguna menerusi ayat 2 (c) iaitu “*Hal ini terkesan daripada kebanyakan bahan binaan serta kaedah yang digunakan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan*”. Akhir sekali, responden menutup perenggan karangan dengan merumuskan

idea perenggan dalam penulisan iaitu *“Situasi ini timbul kerana berlakunya penambahan kos belanjawan projek akibat wujudnya aktiviti rasuah dengan pihak terlibat”* 2 (d).

Contoh 3 :

“Keempat, menekankan penerapan nilai-nilai Islam (3a). Menurut Islam perbuatan rasuah adalah satu perbuatan dosa besar yang mendatangkan akibat yang buruk kepada individu, masyarakat **dan** negara (3b). Pemahaman secara mendalam mengenai nilai-nilai dapat membantu menghalang daripada melakukan jenayah (3c). **Tambahan lagi**, mempelajari nilai-nilai Islam dapat memupuk sikap jujur **dan** amanah dalam diri individu (3d).”

Contoh 3 ini pula menunjukkan responden berjaya menggunakan penanda kohesi pertambahan *tambahan lagi* dengan dengan betul. Ini kerana penanda kohesi *tambahan lagi* berfungsi untuk menambah maklumat dalam sesuatu perkara. Sesuai dengan ayat karangan yang menunjukkan responden menggunakan penanda kohesi *tambahan lagi* dengan tujuan untuk menambah maklumat tentang kesan positif penerapan nilai-nilai Islam dalam kehidupan.

Dari sudut jalinan idea pula responden berjaya menghasilkan perenggan karangan yang baik. Ini kerana responden berhasil menyusun penerangan idea penulisan dengan jelas. Penerangan idea penulisan yang jelas ini dapat dilihat apabila responden memulakan penulisan dengan memaparkan idea utama perenggan menerusi ayat 3 (a) iaitu *“Keempat, menekankan penerapan nilai-nilai Islam”*. Idea penulisan perenggan dihuraikan lagi dengan ayat 3 (b) *“Menurut Islam perbuatan rasuah adalah satu perbuatan dosa besar yang mendatangkan akibat yang buruk kepada individu, masyarakat dan negara”* diikuti ayat 3 (c) yang menjelaskan tentang kesan-kesan yang diperolehi dengan memahami kebaikan mengamalkan nilai-nilai Islam. Akhir sekali, responden menutup perenggan karangan dengan menyimpulkan pemupukan sikap jujur dan amanah yang boleh diterapkan sekiranya masyarakat mengamalkan nilai-nilai Islam dalam membanteras aktiviti rasuah melalui ayat 3 (d) iaitu *“Tambahan lagi, mempelajari nilai-nilai Islam dapat memupuk sikap jujur dan amanah dalam diri individu”*.

Contoh 4 :

“Konklusinya, gejala rasuah sangat berbahaya sehingga mampu meruntuhkan negara **dan** bangsa (4a). Semua pihak perlu bekerjasama dalam membanteras gejala ini sehingga ke akar umbi (4b). **Hal ini** juga dapat memecahbelahkan masyarakat seperti berlakunya perbalahan

antara individu dengan individu lain (4c). Golongan masyarakat mestilah mengambil berat akan amalan membanteras rasuah agar gejala ini tidak berlaku dengan mudah (4d)."

Contoh 4 ini pula menunjukkan responden berjaya menggunakan penanda kohesi pertambahan *dan* dan *hal ini* dengan dengan betul. Ini kerana penanda kohesi *dan* berfungsi untuk menambah maklumat dalam sesuatu perkara. Sesuai dengan ayat karangan yang menunjukkan responden menggunakan penanda kohesi *dan* dengan tujuan untuk menambah maklumat kesan buruk gejala rasuah bukan sahaja terhadap negara tetapi juga melemahkan bangsa. Responden juga berjaya menggunakan penanda kohesi gramatikal penghubung pertambahan *hal ini* dengan betul dalam ayat 4 (c) iaitu "*Hal ini juga dapat memecahbelahkan masyarakat seperti berlakunya perbalahan antara individu dengan individu lain*". Susunan idea yang jelas dapat dilihat apabila responden menggunakan penanda kohesi *hal ini* untuk menerangkan dengan lebih teliti berkaitan kerjasama antara semua pihak dalam membanteras gejala rasuah yang dipaparkan di dalam ayat 4 (b) "*Semua pihak perlu bekerjasama dalam membanteras gejala ini sehingga ke akar umbi*". Akhir sekali, responden telah menutup perenggan karangan dengan menyimpulkan keseluruhan perenggan karangan melalui ayat 4 (d) iaitu "*Golongan masyarakat mestilah mengambil berat akan amalan membanteras rasuah agar gejala ini tidak berlaku dengan mudah*".

Contoh 5 :

"Gejala rasuah ini dapat dibasmi sekiranya semua pihak memberi kerjasama dalam memantau jenayah ini (5a). **Contohnya**, pihak berkuasa seperti organisasi Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), polis **dan** lain-lain perlulah lebih tegas dalam menguatkuasakan undang-undang **dan** memastikan pegawainya bersikap amanah **dan** memastikan jalan kerja dilakukan bersih tanpa adanya isu rasuah (5b). Pihak majikan juga perlulah menjalankan peranan dengan memberi pendedahan tentang bahaya rasuah dalam kalangan kakitangan (5c)."

Berdasarkan Contoh 5, responden menggunakan penanda kohesi pertambahan *dan* dan *contohnya* dengan tepat untuk menjelaskan kerjasama daripada semua pihak diperlukan bagi membanteras gejala rasuah.

Namun begitu jika dilihat dari sudut jalinan idea pula, berlaku unsur lewah. Ini kerana responden menggunakan ayat yang panjang dan meleret seperti di dalam ayat 5 (b) "*Contohnya, pihak berkuasa seperti organisasi Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), polis dan lain-lain perlulah lebih tegas dalam menguatkuasakan undang-undang dan*

memastikan pegawainya bersikap amanah dan memastikan jalan kerja dilakukan bersih tanpa adanya isu rasuah". Selain itu, idea utama yang hendak disampaikan oleh responden juga kelihatan kabur. Jika dirujuk kepada contoh ayat 5 (c), garapan idea yang ditulis dalam ayat tersebut lebih kepada idea utama walaupun tidak dinyatakan dengan jelas. Ayat kelihatan lebih jelas kohesi ideanya sekiranya ditulis seperti berikut.

"Gejala rasuah ini dapat dibasmi sekiranya semua pihak memberi kerjasama dalam memantau jenayah ini (5a). **Contohnya**, pihak berkuasa seperti organisasi Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), polis **dan** lain-lain perlulah lebih tegas dalam menguatkuasakan undang-undang. Ketegasan ini boleh dilakukan dengan memastikan pegawainya bersikap amanah dalam menjalankan tugas yang diberikan. Disamping itu, pihak majikan perlu menjalankan peranan dengan memberi pendedahan tentang bahaya rasuah kepada kalangan kakitangan masing-masing. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti rasuah ini boleh dibanteras sekiranya wujud kerjasama antara semua pihak.

KESIMPULAN

Analisis kohesi dalam tugas pelajar merupakan aspek yang sangat penting untuk memastikan teks yang dihasilkan mempunyai hubungan yang jelas antara idea, dan mudah diikuti oleh pembaca. Kohesi gramatikal merujuk kepada mekanisme-mekanisme yang digunakan dalam penulisan untuk menyambung ayat-ayat dan perenggan agar teks itu kelihatan bersambung secara logik dan sistematik. Kohesi dalam tugas pelajar sangat dipengaruhi oleh penggunaan penghubung yang sesuai seperti *dan*, *tetapi*, *oleh itu*, *selain itu*, *maka*, dan sebagainya. Penggunaan penghubung pertambahan (seperti "dan", "malah", "di samping itu") menunjukkan kesinambungan idea antara ayat dan perenggan, menjadikan teks lebih teratur dan mudah difahami. Sebaliknya, jika penghubung digunakan dengan tidak konsisten atau tidak tepat, ia boleh menyebabkan teks kelihatan tidak tersusun dan sukar untuk diikuti.

Selain itu, Struktur ayat yang baik dan penggunaan elemen sintaksis yang sesuai juga memainkan peranan besar dalam meningkatkan kohesi dalam tugas pelajar. Penulis yang bijak akan menggunakan variasi dalam struktur ayat untuk mengelakkan kebosanan dan memastikan aliran idea yang lebih lancar. Tugas pelajar adalah untuk menggabungkan struktur ayat yang kompleks dan mudah untuk memastikan mesej yang disampaikan jelas dan teratur. Justeru, pencapaian matlamat komunikasi yang berkohesi sama ada lisan

ataupun tulisan akan menjadi lebih jelas apabila adanya penggunaan bahasa yang baik (Mohamad Baharuddin dan Mohd. Khairie Ahmad, 2003). Justeru, hasil kajian ini diharap boleh membantu semua pihak termasuk para pengkaji bahasa, ahli akademik, guru dan pelajar khususnya. Kajian ini juga diharap boleh dijadikan sebagai sumber rujukan untuk kajian akan datang.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada dapatan penyelidikan yang disokong melalui geran penyelidikan bertajuk “Kohesi Penulisan Tugasan Individu dalam Kalangan Pelajar IPT : Kajian Kes di KIAS”. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada semua pihak yang terlibat, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, dalam menjayakan pelaksanaan projek penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Awang Sariyan. (1981). Pembinaan Wacana Berita yang Berkesan dalam Hubungan dengan Pembakuan. *Jurnal Dewan Bahasa*. Disember. Hal. 109-118.
- Baharuddin Othman Dan Mohd. Kairie Ahmas. (2003). Pengantar Komunikasi. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Othman, A. J. (2000). *Kajian Pertautan Ayat Dalam Penulisan Karangan: Satu Kohesi*. (Tesis Doktor Falsafah). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Othman, A. J. (2000). Kajian Pertautan Ayat Dalam Penulisan Karangan: Satu Pengenalan. dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 44: 6. Hal. 658-681.
- Bhatia, V. K. (1993). *Analysing Genre: Language Use in Professional Settings*. London: Longman.
- Halliday, M. A. K., & Hasan, R (1976). *Cohesion In English*. London : Longman Group Limited.
- Hyland, K. (2004). *Disciplinary Discourse: Social Interactions in Academic Writing*. Michigan:University of Michigan Press.
- Kumaran, R. (2006). Wacana Bahasa Tamil: Analisis Kohesi Dalam Esei Pelajar Tingkatan Lima.Fakulti Bahasa Dan Linguistik. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mat Hassan, N. & Zakaria, J. (2015). Kohesi Gramatikal Penghubung DalamKaranganBerbahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 3(1), 101-113.
- Nurmasitah Mat Hassan. (2016). *Kohesi Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Di Sebuah Universiti Awam* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.

Richards, J.C. (1990). *The Language Reaching Matrix*. New York: Cambridge University Press.